

Headline	Sampai di Bulgaria		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Mar 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	29	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	286 cm ²
Journalist	Maiamalina Mohamed Amin	AdValue	RM 5,873
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,619



Sampai di Bulgaria

Kembara KL-London pesara guru 'diganggu' cuaca

>>Oleh **Maiamalina Mohamed Amin**

maiamalina@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Pesara guru, Adnan Osman, 69, yang memulakan kembara berbasikal secara solo dari Kuala Lumpur ke London, 25 September lalu, kini selamat tiba di Bulgaria, namun berdepan sedikit kesulitan.

Dia yang berhubung menerusi e-mel memberitahu, cuaca sejuk di negara itu menyulitkan kembara berbasikal, malah memaksa dia menginap di bilik penginapan berbanding khemah yang menjimatkan kos.

"Selepas meninggalkan Edirne, Turki, saya tiba di Bulgaria yang jarak sempadannya hampir 25 kilometer manakala untuk ke bandar Svelingrad di Bulgaria pula sejauh 15 kilometer.

"Kawasan sekitar agak berbukit, namun setakat ini saya berjaya meskipun pada ketinggian curam tertentu saya terpaksa menolak basikal.

"Memasuki negara ini, semua benda berharga tinggi, malah bilik penginapan paling murah sekitar 25 Euro ke 30 Euro (RM99 ke RM119.90) dan tidak sabar menunggu cuaca bertukar musim panas supaya boleh

menjimatkan kos," katanya.

Adnan ditemani anak sulungnya, Aedewan Adnan, 32, berkata, memasuki Bulgaria bermakna dia juga berdepan masalah mendapatkan makanan halal, tetapi masih boleh bertahan dengan pengambilan roti dan tuna yang senang diperolehi.

Ketika Adnan memberitahu dirinya masih dalam keadaan baik, isterinya, Marina Abdullah, 60-an, memaklumkan bahawa suaminya itu kehilangan dompet akibat dicuri pencopet ketika berada di India sekitar Disember tahun lalu.

Dia yang sering berhubung dengan suami secara e-mel dan sesekali menggunakan Skype terkejut dimaklumkan mengenai hal itu, namun lega kerana anak sulung mereka, Aedewan ada bersama.

"Aedewan tiba menemui suami ketika dia di Kalkota, India, malah difahamkan ketika kejadian, suami berada di stesen kereta api untuk bergerak ke destinasi berikutnya namun tak menyedari dompetnya hilang.

"Buat masa ini, saya menghantar wang kepadanya terus

ke akaun Maybank Aedewan dan mana-mana pihak ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Aedewan 1141123618995," katanya.

Adnan memulakan jelajah berbasikal secara rasmi pada 25 September 2011 dan perlu merentasi 15 negara dengan jarak perjalanan sejauh 120 kilometer sehari selama sembilan bulan berakhir di London ketika upacara perasmian Sukan Olimpik 2012.

Ekspedisi berbasikal secara solo ke London itu bertujuan mengumpul dana untuk Yayasan Aids Malaysia (MAF).



JELAJAH
...Adnan meneruskan perjalanan ke Bulgaria selepas sampai ke Gunung Ararat, Turki.